

**TINJAUAN AWAL KEBERKESANAN KEMPEN *Stay-at-Home*
TERHADAP MASYARAKAT DI KOTA KINABALU, SABAH
*THE EFFECTIVENESS OF THE STAY-at-HOME CAMPAIGN
TO THE COMMUNITY IN KOTA KINABALU, SABAH:
AN EARLY REVIEW***

SITINURBAYU MOHD YUSOFF
SYAHRUDDIN AG. AHMAD
DZURIZAH IBRAHIM
AISAH MERI
CYRIL MODILI

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Corresponding author: bayu.yusoff@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 6/2/2021 / Tarikh diterima: 29/6/2021*

ABSTRAK Dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak pandemik yang baharu dan sangat berbahaya iaitu penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) yang merupakan *strain* baharu Coronavirus. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), penyakit ini berjangkit daripada individu kepada individu melalui titisan pernafasan atau sentuhan dan penyakit ini merupakan famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga ke penyakit yang lebih teruk seperti penyakit MERS-CoV dan SARS-CoV. Penyakit yang melibatkan pernafasan ini mula dikesan di Wuhan, China pada Disember 2019. Selepas China, penyakit ini telah merebak ke seluruh dunia dengan pantas dan Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk membendung wabak COVID-19 daripada terus menular di negara ini. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan adalah menerusi kempen kesedaran awam kepada masyarakat oleh KKM yang dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kempen *Stay-at-Home* merupakan salah satu daripada kempen kesedaran awam yang terawal diperkenalkan dengan harapan rantaian penyakit berjangkit ini dapat diputuskan. Kajian ini dilakukan untuk melihat kesan mesej dalam Kempen *Stay-at-Home* terhadap pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia khususnya di Kota Kinabalu, Sabah. Justeru, berpandukan kepada Teori KAP (*Knowledge, Attitude, Practice*), satu kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang responden yang dipilih secara rawak menggunakan instrumen soal selidik dalam talian (Google Form) di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di Kota Kinabalu akur dengan arahan PKP agar terus

kekal berada di rumah. Menerusi Kempen *Stay-at-Home* yang dianjurkan, masyarakat bersetuju dengan arahan untuk bekerja dan belajar dari rumah sebagai langkah untuk melindungi diri mereka dan keluarga dari dijangkiti virus COVID-19.

Kata kunci: Kempen kesedaran awam, teori KAP, pengetahuan, sikap, amalan, COVID-19.

ABSTRACT *The spread of a new and dangerous pandemic outbreak of Coronavirus 2019 (COVID-19) which is a new strain of Coronavirus has shocked the whole world. Based on information obtained from the website of the Ministry of Health Malaysia (MOH), the disease is transmitted from individual to individual through respiratory droplets or contact and the disease is a viral family that causes various diseases from the flu to more serious diseases such as MERS-CoV and SARS-CoV. This respiratory disease was first detected in Wuhan, China in December 2019. After China, the disease has spread worldwide and the Malaysian Government has taken several steps in an effort to curb the COVID-19 epidemic from spreading in the country. Among the steps taken by the government is through a public awareness campaign by the MOH which has been implemented during the Movement Control Order (MCO). The Stay-at-Home campaign is one of the public awareness campaigns introduced with the hope that this infectious disease chain can be broken. This study was conducted to see the effect of the message in the Stay-at-Home Campaign on the knowledge, attitudes and practices of Malaysian society, especially in Kota Kinabalu, Sabah. Thus, based on KAP Theory (Knowledge, Attitude, Practice), a pilot study was conducted on 30 respondents randomly selected using online questionnaire instruments (Google Form) around Kota Kinabalu, Sabah. The results show that the majority of the community in Kota Kinabalu complies with the instructions of MCO and obeys the instructions to stay at home. Through the organized Stay-at-Home Campaign, the community agreed to instructions to work and study from home to protect themselves and their families from being infected with the COVID-19 virus.*

Keywords: *Public awareness campaign, KAP theory, knowledge, attitude, practice, COVID-19.*

PENGENALAN

Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam satu pengumuman khas bagi mengekang penularan wabak penyakit berjangkit yang dinamakan Novel Coronavirus (2019-nCov). Novel Coronavirus adalah *strain* baharu Coronavirus yang sebelum ini tidak pernah dikenal pasti. PKP ini adalah termasuk larangan perhimpunan awam untuk sebarang aktiviti berunsur keagamaan, sukan, aktiviti sosial dan kebudayaan serta penutupan sekolah, pejabat kerajaan dan premis perniagaan, mengehadkan perjalanan keluar negara untuk rakyat Malaysia dan menyekat kemasukan pelancong asing ke dalam negara bermula dari 18 Mac hingga 31 Disember 2020 yang melibatkan tujuh fasa iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Kempen *Stay-at-Home* adalah sebuah kempen kesihatan awam yang diperkenalkan susulan statistik yang membimbangkan iaitu sebanyak 70 kematian dicatatkan dari 18 Mac 2020 hingga 10 April 2020 yang membawa kepada jumlah kes keseluruhan adalah sebanyak 4,346 orang yang dijangkiti virus COVID-19. Justeru, Kempen *Stay-at-Home* ini adalah sejajar dengan misi kerajaan untuk mengurangkan jumlah jangkitan kepada penduduk dan seterusnya mengurangkan kematian yang diakibatkan oleh virus yang merbahaya ini. Kempen *Stay-at-Home* yang berjaya dilaksanakan dijangka boleh mengurangkan risiko peningkatan atau pertambahan pesakit yang dijangkiti virus COVID-19. Keselamatan masyarakat Malaysia adalah tanggungjawab semua pihak termasuk orang awam, kerajaan dan juga pihak swasta.

Kempen *Stay-at-Home* yang diwujudkan untuk menggalakkan orang ramai kekal berada di rumah dengan tujuan untuk melindungi penduduk daripada terdedah kepada kebarangkalian dijangkiti virus COVID-19 ini. Langkah ini adalah sangat bertepatan dengan visi untuk mengurangkan angka kematian dalam kalangan penduduk di Malaysia. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba menggalakkan rakyat Malaysia untuk terus mematuhi arahan PKP dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19. Justeru, kempen ini adalah

untuk menggalakkan semua masyarakat untuk menjadi lebih bertanggungjawab dengan duduk di rumah dan peka dengan keadaan semasa. Menurut unjuran yang dibuat oleh KKM, PKP yang dilaksanakan sedikit sebanyak telah berjaya mengurangkan kebolehjangkitan dan penularan virus COVID-19. Perkara ini disokong oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan menyatakan bahawa kes positif COVID-19 adalah terkawal pada angka 7 peratus, iaitu di bawah penanda aras 10 peratus yang ditetapkan oleh World Health Organization (WHO). Oleh itu, ujar beliau lagi, setiap individu memainkan peranan dalam membantu mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19 dengan mematuhi arahan kerajaan supaya kekal berada di rumah sepanjang PKP dilaksanakan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dilaporkan bahawa kadar pematuhan dalam kalangan orang awam telah meningkat kepada 95 peratus daripada 92 peratus sebelumnya, dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Rela dan pihak berkuasa tempatan (*Utusan Borneo*, 24 Mac 2020). Namun begitu, sehingga kini Malaysia masih menunjukkan peningkatan pesakit yang positif dijangkiti oleh virus COVID-19. Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan jumlah mereka yang ditahan semasa sekatan jalan raya di seluruh negara kerana ingkar PKP masih tinggi berbanding sebelum ini. Meskipun kerajaan telah menguatkuasakan larangan sebarang aktiviti perhimpunan awam, masih terdapat rakyat Malaysia yang ingkar dengan arahan dan dilihat masih berkumpul di tempat-tempat awam terutamanya di kawasan pasar dan kedai makan. Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah pula berkata, sejak arahan PKP dilaksanakan, majoriti rakyat akur dengan perintah itu tetapi ada sebilangan 10 peratus atau tiga juta penduduk masih gagal mematuhi arahan tersebut. Beliau berkata mungkin angka itu kecil tetapi dalam konteks penularan COVID-19, jumlah itu cukup besar untuk memburukkan lagi keadaan semasa dengan peningkatan kes negara. Hal ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa meminta bantuan daripada ATM untuk bekerjasama dengan PDRM dalam mengawal laluan-laluan utama yang terlibat dalam PKP. ATM bersama PDRM telah melakukan sebanyak 763 sekatan jalan raya di seluruh negara dengan melibatkan 443,160 kenderaan diperiksa. Kesedaran dan pematuhan yang masih kurang terhadap arahan PKP menerusi Kempen *Stay-at-Home*

dalam kalangan penduduk di Malaysia amat membimbangkan. Penganjuran Kempen *Stay@Home* ini tidak boleh dipandang ringan. Langkah keselamatan dan pencegahan risiko dijangkiti virus COVID-19 dan kematian akibat daripada jangkitan virus merbahaya ini masih dianggap kurang penting bagi sesetengah penduduk. Fenomena ini adalah sangat membimbangkan kerana penduduk yang berada di luar rumah dan berada di tempat awam yang sesak menyebabkan mereka terdedah kepada risiko dijangkiti virus COVID-19 yang tinggi berbanding dengan mereka yang berada di rumah.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif iaitu soal selidik dalam talian (Google Form) digunakan dalam kajian rintis ini. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian kerana kaedah ini paling relevan dan sesuai dalam keadaan semasa iaitu tempoh PKP. Soal selidik ini adalah bertujuan untuk melihat pandangan masyarakat terutamanya di Kota Kinabalu, Sabah berkenaan Kempen *Stay-at-Home* anjuran kerajaan. Satu set soalan disediakan dalam bentuk Google Form untuk diisi oleh responden.

Dalam kajian ini, Model KAP iaitu singkatan kepada perkataan *Knowledge-Attitude-Practice* digunakan untuk menerangkan tentang Kempen *Stay-at-Home*. Model KAP digunakan untuk menganalisis tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan PKP menerusi Kempen *Stay-at-Home*. Model KAP merujuk kepada pengetahuan, sikap, amalan dan tingkah laku (Nor Kalsum Mohd Isa, 2016; Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013). Menurut sarjana lepas, apabila pengetahuan seseorang itu bertambah, maka pengetahuan tersebut menjadi pendorong kepada perubahan sikap. Seterusnya, perubahan yang berlaku itu menyebabkan berlakunya perubahan terhadap tingkah laku manusia. Berdasarkan model ini, pengetahuan merupakan asas kepada penentuan sikap, niat dan tingkah laku. Pengetahuan dapat ditingkatkan melalui pendedahan terhadap maklumat baharu melalui ceramah, kelas, media, syarahan dan lain-lain aktiviti yang bersikap ilmiah. Dalam konteks kajian ini adalah kempen. Tanpa pengetahuan, seseorang itu tidak boleh bertindak terhadap sesuatu maklumat atau isu yang diperolehi (Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap, 2013). Pengetahuan merupakan asas kepada tingkah laku seseorang individu. Pendedahan terhadap sesuatu maklumat yang

baharu boleh meningkatkan pengetahuan. Apabila pengetahuan seseorang bertambah, maka pengetahuan ini menjadi pendorong kepada perubahan sikap (Valente *et al.*, 1998; Mahadevan, 2009). Seseorang selalunya bertindak berdasarkan sikap yang terbina daripada pengetahuan. Oleh itu, perubahan pada sikap membawa kepada perubahan tingkah laku. Amalan atau tingkah laku seseorang adalah berdasarkan pengetahuan yang diperoleh.

Kepentingan dan Faedah Penyelidikan

Kajian tertumpu kepada kesedaran masyarakat Malaysia terhadap Kempen *Stay-at-Home*. Kajian perlu dijalankan kerana tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan PKP masih rendah. Sejak virus ini ditemui pada penghujung tahun 2019, sehingga kini, terdapat sedikit data yang diterbitkan tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk terhadap COVID-19, khususnya di Malaysia. Kepentingannya tidak diindahkan, malahan ada individu yang masih ingkar arahan kerajaan untuk *Stay-at-Home*. Tahap kesedaran masyarakat penting bagi memastikan keselamatan semua orang terjamin dan rantaian virus ini dapat diputuskan dengan segera.

Kajian ini dijangka dapat menambahkan ilmu pengetahuan terhadap kepentingan Kempen *Stay-at-Home* di mana kesedaran yang dipupuk boleh menyelamatkan nyawa. Melalui kajian ini juga, diharap dapat menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap kepentingan PKP dan seterusnya memberi maklumat berguna kepada pihak berkuasa agar mereka dapat memikirkan medium yang terbaik untuk menyampaikan mesej tentang kepentingan keselamatan masyarakat. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu menambah nilai keilmuan dan memberi manfaat dari segi ilmu pengetahuan kepada pengkaji-pengkaji lain, pemerintah dan juga masyarakat.

Kempen kesihatan awam adalah kempen menerusi media yang mempromosikan kesihatan umum dengan cara mengesyorkan pendekatan tertentu yang berbentuk intervensi. Pendekatan intervensi boleh dihasilkan dalam bentuk mesej bertulis, lisan dan multimedia (Farrelly *et al.*, 2009). Kepatuhan rakyat terhadap PKP iaitu Akta 342 (Akta 1988) Pengawalan dan Pencegahan Penyakit yang dikuatkuasakan oleh KKM adalah wajib dan menjadi asas kepada kempen kesihatan awam.

Matlamat utama kempen kesihatan awam adalah untuk mengubah sikap dan tingkah laku manusia agar sedar dan berkelakuan seperti yang dianjurkan dalam kempen berkenaan. Pihak berkuasa kesihatan mempunyai kuasa penuh dalam merangka dan seterusnya melaksanakan pelan bertindak khusus bagi merealisasikan kempen kesihatan awam yang cekap dan berkesan. Keupayaan pihak berkuasa kesihatan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab bergantung kepada maklum balas daripada masyarakat. Ahli-ahli masyarakat diyakini berfungsi sebagai sebahagian daripada kempen kesihatan awam yang diharapkan memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan objektif kempen kesihatan awam itu sendiri.

Sungguhpun begitu, dalam konteks Malaysia, kempen kesihatan awam kurang mendapat sambutan daripada masyarakat. Ahli-ahli masyarakat cenderung untuk mengambil sikap acuh tidak acuh terhadap gerak kerja kempen kesihatan awam yang dilaksanakan oleh KKM. Hal yang demikian dibuktikan menerusi kepatuhan terhadap PKP sejak dikuatkuasakan bermula fasa pertama sehingga fasa ketujuh. Saranan YAB Perdana Menteri untuk rakyat keseluruhannya untuk berada di rumah seolah tidak diberikan perhatian serius. Kebanyakan ahli masyarakat masih berani keluar dari rumah walaupun telah dilarang berbuat demikian.

Situasi '*flouting*' semasa PKP sepatutnya tidak berlaku kerana penguatkuasaan Akta 342 adalah jelas dari segi tujuan utama iaitu untuk memastikan wabak *Coronavirus* (COVID-19) tidak disebarkan sewenang-wenangnya menerusi perhimpunan orang ramai di tempat-tempat kunjungan awam. Namun, mesej PKP tidak dihayati secara tuntas yang sepatutnya mendorong inisiatif kepatuhan dalam kalangan ahli masyarakat.

Persoalan yang timbul adalah sama ada mesej PKP kurang jelas, tiada unsur menasihati atau mungkin kurang strategik dalam menanamkan intipati maklumat berkaitan dengan virus dan cara ia berjangkit. Demikianlah juga dengan saluran yang dipilih untuk digunakan oleh KKM yang mungkin tidak cekap dan berkesan dalam menyampaikan mesej kepatuhan PKP dan tindakan KKM bersama PDRM dan ATM ini sejajar dengan kenyataan oleh Wakefield *et al.* (2010) bahawa;

Mass media campaigns can directly and indirectly produce positive changes or prevent negative changes in health-related behaviours across large populations.

Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan wujud keperluan untuk mendidik dan mengasuh minda ahli masyarakat agar memahami tujuan kempen duduk di rumah sepanjang tempoh PKP. Elemen asas satu-satu kempen kesihatan awam adalah pendidikan (Wallack & Dorfman, 1996; Wakefield *et al.*, 2010). Selain daripada peringatan terhadap khalayak sasaran kempen tersebut, penguatkuasaan akta yang berkenaan seharusnya lebih tegas dan terarah untuk memastikan ahli masyarakat sentiasa mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

KAJIAN LEPAS

Model KAP biasanya digunakan dalam membuat penilaian tentang kempen kesedaran awam, kesihatan, pemasaran dan kepenggunaan (Valente *et al.*, 1998). Kebanyakan kajian lepas yang dijalankan dalam bidang kesihatan menggunakan teori KAP. KAP merujuk kepada pengetahuan, sikap, amalan atau tingkah laku. Ketiga-tiga ini berkait rapat antara satu sama lain. Penyelidik lain didapati telah melakukan perubahan yang berfokus kepada pengetahuan sebagai pemboleh ubah kepada tingkah laku dan sikap (Flamm, 2006).

Satu kajian telah dilakukan oleh Kaplowitz dan Levine (2005) tentang tahap pengetahuan pelajar universiti serta orang awam di Amerika Syarikat terhadap isu alam sekitar. Kajian tersebut mengkaji tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku golongan tersebut dengan menggunakan Model KAP. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa terdapat hubungan positif di antara tahap pendidikan, bidang pengajian dan tahap pengetahuan alam sekitar. Menerusi kajian tersebut, didapati bahawa tahap pengetahuan individu terhadap masalah alam sekitar dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan. Pendidikan tentang kesedaran isu ini membolehkan masyarakat sedar betapa seriusnya hal ini serta mampu menguasai kemahiran serta kesungguhan dalam mengatasi isu yang melibatkan alam sekitar.

Sibiya dan Gumbo (2013) pula menggunakan model KAP dalam kajian isu air, sanitasi dan kebersihan di sebuah sekolah terpilih di daerah Vhembe, Afrika Selatan. Menerusi kajian tersebut, mereka mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar dalam hal kebersihan diri berada dalam tahap yang sekadar mencukupi namun pengetahuan tersebut tidak diaplikasikan dengan betul kerana tahap kebersihan sekolah tersebut masih lagi berada di tahap yang tidak memuaskan. Kajian mendapati bahawa pelajar di sekolah tersebut sedar tentang kepentingan menjaga kebersihan diri dan mempunyai perubahan dalam sikap mereka namun tidak dijadikan sebagai amalan kerana sekolah tersebut masih belum dapat menyediakan fasiliti yang lengkap seperti sinki untuk mencuci tangan, air dan sabun.

Justeru, dalam usaha mengubah sikap seseorang, pengkaji menganggap bahawa perlakuan merupakan satu-satu hasil pemboleh ubah amalan. Model ini menyarankan sikap dapat diperkukuhkan dengan kepercayaan pengetahuan tentang kempen. Hal ini menimbulkan perasaan atau emosi dan seterusnya membawa kepada perlakuan yang tertentu. Maksudnya, apabila seorang individu mula mengetahui tentang satu-satu amalan dan ini membawa kepada satu pemupukan sikap positif, diikuti dengan tindakan melalui perlakuan.

DAPATAN KAJIAN

Seramai 30 orang responden dipilih secara rawak daripada jumlah populasi penduduk di Kota Kinabalu, Sabah. Responden terdiri daripada umur 18 tahun hingga 41 tahun ke atas. Responden telah mengisi borang soal selidik dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan tingkah laku mereka semasa tempoh PKP berkuat kuasa.

Profil Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan menunjukkan daripada 30 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 43 peratus terdiri daripada lelaki dan 57 peratus perempuan. Dari segi umur pula, 33.3 peratus responden adalah terdiri daripada lingkungan 31-40 tahun dan 30 peratus responden berumur antara 18-23 tahun. Responden yang berumur 41 tahun ke atas hanya 23.3 peratus dan responden yang berumur 24-30 tahun adalah sebanyak 13.3 peratus.

Dari segi bangsa, 70 peratus responden adalah berbangsa Bumiputera Sabah berbanding bangsa Melayu (13.3%), Lain-Lain (13.3%) dan Bumiputera Sarawak (3.3%).

Jadual 1 Profil responden kajian

Profil Responden	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	13	43
Perempuan	17	57
Umur		
18-23	9	30
24-30	4	13.3
31-40	10	33.3
41 ke atas	7	23.3
Bangsa		
Melayu	4	13.3
Cina	0	0
India	0	0
Bumiputera Sabah	21	70
Bumiputera Sarawak	1	3.3
Lain-Lain	4	13.3

Tahap Keyakinan Mencegah Diri daripada Jangkitan COVID-19

Jadual 2 Tahap keyakinan mencegah diri daripada dijangkiti COVID-19

Tahap Keyakinan	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak Setuju (Tidak Yakin)	14	47
Setuju (Yakin)	16	53

N = 30

Berdasarkan Jadual 2, didapati sebanyak 14 orang atau 47 peratus responden tidak yakin bahawa mereka boleh mencegah diri mereka sendiri daripada dijangkiti virus COVID-19. Hal ini demikian kerana, mereka tidak pasti bagaimana kebarangkalian mereka boleh dijangkiti oleh virus tersebut. Sebanyak 16 orang pula atau 53 peratus responden berasa yakin bahawa mereka boleh mencegah diri mereka sendiri daripada dijangkiti virus COVID-19.

Pematuhan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Jadual 3 Pematuhan arahan PKP

Pematuhan PKP/PKPD	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak Setuju (Tidak Patuh)	4	13
Setuju (Patuh)	26	87

N = 30

Melalui data yang diperolehi (Jadual 3), didapati bahawa sebanyak 4 orang atau 13 peratus responden tidak setuju dengan arahan PKP, manakala sebanyak 26 orang atau 87 peratus responden pula bersetuju dengan arahan untuk kekal berada di rumah dan akur dengan arahan PKP. Majoriti responden bersetuju dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan untuk kekal berada di rumah agar dapat memutuskan rantaian jangkitan virus COVID-19. Ia merupakan antara langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan penyakit COVID-19 daripada terus merebak.

Pematuhan Arahan Bekerja/Belajar dari Rumah

Jadual 4 Pematuhan arahan bekerja/belajar dari rumah

Pematuhan Bekerja/Belajar dari Rumah	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak pasti	3	10
Tidak Setuju (Tidak Patuh)	4	13
Setuju (Patuh)	23	77

N = 30

Jadual 3 menunjukkan bahawa 77 peratus responden bersetuju dengan arahan untuk bekerja dan belajar dari rumah, manakala 13 peratus responden tidak setuju dengan arahan kerajaan untuk rakyat bekerja dan belajar dari rumah. 10 peratus responden pula tidak pasti sama ada mereka setuju atau tidak dengan arahan untuk bekerja dari rumah. Pelbagai faktor yang mempengaruhi jawapan responden kerana bidang pekerjaan yang berlainan memainkan peranan bagi jawapan daripada responden tersebut. Hal ini demikian kerana, ada pekerjaan yang berasaskan gaji harian dan memerlukan responden untuk hadir ke tempat kerja. Ada juga jenis pekerjaan yang tidak boleh dibuat dari rumah. Situasi ini menyukarkan responden untuk akur dengan arahan daripada kerajaan untuk bekerja dari rumah.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian awal ini mendapati bahawa tahap pematuhan seseorang terhadap arahan PKP dan persetujuan responden untuk bekerja/belajar dari rumah mendorong kepada pematuhan Kempen *Stay-at-Home* dalam kalangan masyarakat di Sabah terutamanya di Kota Kinabalu. Majoriti responden akur dengan arahan PKP dan bersetuju untuk kekal berada di rumah untuk mengurangkan pergerakan supaya virus COVID-19 tidak terus merebak. Menerusi Kempen *Stay-at-Home* diharapkan dapat mengurangkan kes positif jangkitan COVID-19 di negara ini khususnya. Agenda utama kerajaan adalah untuk menjaga dan melindungi rakyat daripada dijangkiti virus yang merbahaya ini. Namun begitu, kerjasama daripada rakyat dari segi pematuhan arahan kerajaan adalah amat diperlukan dalam memastikan rantai virus COVID-19 ini dapat diputuskan dan dihapuskan dengan menyeluruh. Kealpaan dan kedegilan rakyat boleh menjejaskan usaha kerajaan dalam mengawal penularan penyakit berjangkit ini. Secara keseluruhannya, tahap keyakinan rakyat dalam mencegah diri sendiri daripada dijangkiti virus COVID-19 mendorong kepada tindakan pematuhan arahan PKP dan untuk bekerja/belajar dari rumah. Hasil kajian awal yang dipaparkan diharap dapat menjadi panduan kepada sebuah penyelidikan yang lebih mendalam terhadap keberkesanan kempen pencegahan penularan penyakit berjangkit di negara ini. Hal ini sejajar dengan unjuran yang dibuat oleh KKM bahawa PKP yang dilaksanakan menyumbang kepada pengurangan kebolehjangkitan dan penularan virus COVID-19. Menurut Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Zaini Jass, tahap pematuhan rakyat Sabah khususnya di Kota Kinabalu pada arahan PKP fasa kedua keseluruhannya mencapai 96.8 peratus (*Bernama*, 6 April 2020). Sementelah COVID-19 merupakan virus baharu yang mempunyai kesan buruk dalam masa yang singkat, maka adalah penting bagi kerajaan terutamanya pihak berkuasa kesihatan merancang strategi yang sesuai untuk mengawal penularan penyakit berjangkit ini.

RUJUKAN

- Emma MW Mohamad *et al.* (2020). Public knowledge, attitudes and practices towards Covid-19: A cross sectional study in Malaysia. *PLoS ONE*, 15(5), e0233668. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0233668>
- Farrelly M.C., Nonnemaker J., Davis K.C., & Hussin A. (2009). The influence of the national truth campaign on smoking initiation. *Am J Prev Med*, 36(5), 379-384. doi: 10.1016/j.amepre.2009.01.019. Epub 2009 Feb 11. PMID: 19211213.
- Flamm, B., J. (2006). *Environmental knowledge, environmental attitude, and vehicle ownership and use*. PhD Disertation (Unpublished). Graduate Division, University of California, Berkeley.
https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1829086 Diakses pada 01/09/2020
<https://www.sabahpost.net/2020/04/07/tahap-pematuhan-pkp-fasa-kedua-di-sabah-tinggi/> Diakses pada 23/09/2020
<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/24/perintah-kadar-pematuhan-meningkat-kepada-95-peratus-ismail-sabri> Diakses pada 31/08/2020
- Jerry, E.S., & Jabulani, R.G. (2013). Knowledge, attitude and practices (KAP) survey on water, sanitation and hygiene in selected schools in Vhembe District, Limpopo, South Africa. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 10(6), 2282–2295. <https://doi.org/10.3390/ijerph10062282>
- Kamidin, T. (2006). Perkaitan antara pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar di kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2006/tiwi06b.pdf>
- Kaplowitz, M.D., & Levine, R. (2005). How environmental knowledge measures up at a big ten University. *Environmental Education Research*, 11(2), 143-160. <https://doi.org/10.1080/1350462042000338324>
- Mahadevan Krishnan. (2009). *Knowledge, attitude and willingness to adopt environmentally responsible behaviours: A survey among students of Universiti Sains Malaysia*. Tesis MA (tidak diterbitkan). School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Syahrudin Awang Ahmad & Nordin Sakke. (2018). Penyertaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihanraya Umum 14 (PRU-14) di Sabah: Penelitian ke atas pola pengundian, pendekatan berkempen dan persepsi masyarakat. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas PRU*, 14, 437-463.
- Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah Siarap. (2013). Kempen pencegahan H1N1. Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di timur laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 127-140.
- Mohd Isa, N. (2016). Pengetahuan, sikap dan tingkah laku pelajar UPSI terhadap prinsip-prinsip kampus lestari. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(1), 29-41.

- Valente, T., Paredes, P., & Poppe, P. (1998). Matching the message to the process: The relative ordering of knowledge, attitudes & practices in behavior change research. *Human Communication Research*, 24(3), 366-385.
- Wakefield, A.M., Loken, B., & Hornik, C.R. (2010). Use of mass media campaigns to change health behaviour. *Lancet (London, England)*, 376(9748), 1261-1271. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(10\)60809-4](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(10)60809-4)
- Wallack, L., & Dorfman L. (1996). Media advocacy: A strategy for advancing policy and promoting health. *Health Education Quarterly*, 23(3), 293-317. <https://doi.org/10.1177/109019819602300303>